

27/01/1999

Y2K: Kerajaan rangka pelan kecemasan

MELAKA, Selasa - Kerajaan sedang menyusun beberapa langkah bagi menghadapi Masalah Tahun 2000 (Y2K) walaupun kesannya terhadap sistem komunikasi dan komputer masih samar lagi.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie, berkata tiada siapa yang dapat memberi gambaran tepat mengenai Y2K serta masalah yang akan dihadapi.

Sungguhpun begitu, katanya, kerajaan tidak akan memandang ringan masalah itu dan pelbagai usaha sedang dilakukan, termasuk merangka pelan kecemasan untuk menangani gejala berkenaan.

"Kerajaan masih memantau masalah Y2K ini dan pada masa yang sama juga, pelan kecemasan sedang dirangka sebagai persediaan menghadapi segala kesulitan yang mungkin timbul," katanya selepas merasmikan seminar 'Perspektif Teknologi Komunikasi dan Informasi - masa kini dan akan datang' anjuran bersama Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) dan Universiti Multimedia (MMU), di sini, petang ini.

NTT diwakili Ketua Eksekutifnya, Akio Hatta manakala MMU diwakili presidennya, Prof Ghauth Jasmon.

Pada majlis itu juga, NTT menyampaikan bantuan peralatan bernilai RM4 juta kepada MMU yang diterima oleh Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation (MSC) merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Telekom Sdn Bhd, Tan Sri Othman Yeop Abdullah.

Menurut Moggie, kesan Y2K itu mungkin tidak begitu dirasakan oleh firma besar kerana mereka mempunyai sumber kewangan yang kukuh tetapi bagi syarikat industri kecil sederhana (IKS), kesannya mungkin agak besar.

Sebelum ini, Moggie pernah berkata kerajaan sedang dalam perbincangan bagi mendapatkan bantuan kewangan Bank Dunia untuk membantu syarikat Malaysia mengatasi masalah Y2K.

Katanya, bantuan kewangan daripada Bank Dunia itu adalah sebagai tambahan kepada peruntukan RM100 juta yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 1999 baru-baru ini.

(END)